

No. 20879.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(FAKULTI, SEKOLAH, AKADEMI, PUSAT ATAU INSTITUT) 2019

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

BAHAGIAN II

FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI ATAU INSTITUT

2. Penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut
3. Keanggotaan Fakulti
4. Keanggotaan Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut
5. Kuasa dan kewajipan Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut

BAHAGIAN III

MESYUARAT

6. Mesyuarat
7. Setiausaha mesyuarat
8. Notis mesyuarat
9. Tatacara mesyuarat
10. Minit mesyuarat

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(FAKULTI, SEKOLAH, AKADEMI, PUSAT ATAU INSTITUT) 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U. (A) 460/2010*], Canselor membuat Statut berikut:

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaysia Sabah (Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut) 2019.

(2) Statut ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa pada 8 Ogos 2019.

Penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut

2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut mengikut namanya masing-masing sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual kepada Statut ini.

(2) Jadual kepada Statut ini boleh dipinda oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Keanggotaan Fakulti

3. Sesuatu Fakulti hendaklah terdiri daripada—

- (a) Dekan, yang hendaklah menjadi ketua Fakulti dan pengerusi mesyuarat Fakulti;
- (b) semua Timbalan Dekan;
- (c) semua ketua jabatan Fakulti, ketua unit, ketua program atau ketua badan lain Fakulti;
- (d) semua profesor dan profesor madya Fakulti, jika ada; dan
- (e) semua pensyarah dan guru Fakulti.

Keanggotaan Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut

4. Sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Dekan bagi Sekolah atau Pengarah bagi Pusat, Akademi atau Institut yang hendaklah juga menjadi pengerusi mesyuarat Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut itu;

- (b) semua Timbalan Dekan atau Timbalan Pengarah;
- (c) semua ketua jabatan, ketua program, ketua unit atau ketua badan lain Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut; dan
- (d) semua guru termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi dan tutor di Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

Kuasa dan kewajipan Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut

5. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan, sesuatu Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut—

- (a) tertakluk kepada kelulusan dan arahan Senat, menyediakan kursus pengajian, kaedah pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan, mengadakan penilaian dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau suai manfaat demi meningkatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan;
- (b) melaksanakan kuasa yang diturunkan atau diwakilkan kepadanya oleh Senat;
- (c) menubuhkan jawatankuasa bagi maksud melaksanakan mana-mana kuasanya;
- (d) mengadakan hubungan dengan mana-mana institusi di dalam atau luar Malaysia bagi maksud meningkatkan kecemerlangan keserjanaan; dan
- (e) membantu Universiti dalam perencanaan pelan strategik dengan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik sesuai dengan visi dan misi Universiti.

Mesyuarat

6. (1) Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap semester pada tarikh, masa, tempat dan mengikut agenda mesyuarat yang ditentukan oleh pengerusi.

(2) Jika Dekan atau Pengarah, yang mana berkenaan, tidak dapat hadir pada sesuatu mesyuarat Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut, maka mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Dekan atau Timbalan Pengarah atau seorang ahli Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Dekan atau Pengarah, dan jika ahli yang diberi kuasa itu tidak hadir atau jika Dekan atau Pengarah tidak memberi kuasa bagi maksud itu kepada mana-mana ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang ahli yang dipilih dari kalangan ahli-ahli yang hadir.

(3) Korum bagi mesyuarat Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut hendaklah tidak kurang satu pertiga (1/3) daripada jumlah keanggotaannya.

(4) Bagi maksud menentukan korum, mana-mana guru Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut yang sedang bercuti belajar, bercuti sabbatical, bercuti tanpa gaji, bercuti bagi apa-apa tempoh yang melebihi satu bulan atau dipinjamkan ke mana-mana institusi atau badan luar Universiti tidak akan dikira sebagai ahli mesyuarat.

(5) Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut boleh mengundang mana-mana orang dari dalam atau luar Universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud memberi pandangan kepada Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut tentang apa-apa perkara dalam bidang kuasa Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut.

Setiausaha mesyuarat

7. Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha bagi semua mesyuarat Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut.

Notis mesyuarat

8. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut hendaklah disampaikan secara bertulis oleh Setiausaha kepada anggota Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum mesyuarat diadakan.

(2) Notis bagi sesuatu mesyuarat khas Jawatankuasa hendaklah di disampaikan secara bertulis, secara elektronik atau secara lisan tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

Tatacara mesyuarat

9. Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

Minit mesyuarat

10. (1) Minit mesyuarat Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut hendaklah disimpan oleh Setiausaha mesyuarat.

(2) Minit mesyuarat Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat atau Institut hendaklah dikemukakan kepada Senat melainkan Senat memutuskan sebaliknya.

Dibuat 8 Ogos 2019

TYT TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN
DATUK HAJI MAHIRUDDIN
Canselor
Universiti Malaysia Sabah

JADUAL

1. Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
2. Fakulti Komputeraan dan Informatik
3. Fakulti Kejuruteraan
4. Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan
5. Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan
6. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
7. Fakulti Psikologi dan Pendidikan
8. Fakulti Sains dan Sumber Alam
9. Fakulti Pertanian Lestari
10. Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan